



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur
 Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur
 Tel : 03-26982878 / 03-26107087 Fax : 03-26936881
 E-mail : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

GENERAL CIRCULAR NO. 1/2019

ARCHITECT'S CERTIFICATION AND CHARGES

In accordance with Rules 24(2) Architects (Scale of Minimum Fees) Rules 2010, the Board herewith determines the fee for certifying and issuing certificates as stipulated in **Schedule 1**.

This General Circular is issued to advise all Architects, in implementing their duties as an Architect appointed by a developer for any development that requires certifications by the Architect, they are entitled to certification charges as per 'Schedule 1' of this Circular.

SCHEDULE 1 : ARCHITECT'S CERTIFICATION FEES AND CHARGES

Certification	Description	Fee / Charge rate
Part 1: Regulated Agreement		
Standard Sale and Purchase Agreement – Construction Stage Certification	Construction stage completion certification under the Standard Sale and Purchase Agreement regulated under the law.	RM1500.00 per site visit RM 250.00 per certificate
Standard Sale and Purchase Agreement – Post Construction Stage Certification	Post Construction stage certification (after issuance of CCC) under the Standard Sale and Purchase Agreement regulated under the law including certification for completion of making good defect.	RM1000.00 per site visit RM 250.00 per certificate
Other Certifications under the Housing Development Act 1966	Certification by architects under the Housing Development Act 1966, including certification for withdrawal of monies from housing development account.	RM 500.00 per certificate
Part 2 : Non-regulated Agreement		
All other sale and purchase agreements – Physical Works Stage Certification	Any form of physical works stage certification of any form of Sale and Purchase Agreement which is not regulated under the law.	RM1500.00 per site visit RM 300.00 per certificate
Post Construction Certification under other form of Sale and Purchase Agreement	Post Construction Certification (after issuance of CCC) under other form of Sale and Purchase Agreement which is not regulated under the law.	RM1000.00 per site visit RM 300.00 per certificate

1. Certification requirements under the Housing Development (Control and Licensing) Act 1966 (Act 118) are additional statutory obligations that Architects are obliged to comply. An architect appointed as the Developer's Architect is required to certify so under the Act, and shall not unnecessarily refuse to comply with these requirements.
2. The certification requirements implemented through these Acts impose additional work on Architects, for which the Architect is entitled to charge additional fee for.
3. Architects shall charge additional fee for these certification services as per the rate stipulated in Schedule 1-Part 1: Regulated agreement.
4. Certifications required under any agreement or contractual requirement which is not in the original scope of services of the architect are also additional works of the architect, and the architect is also entitled to charge additional fee as stipulated in Schedule 1-Part 2: Non-regulated agreement.
5. Fee charges for certification shall be applicable based on the number of certificates and not by number of lots/units/parcels.

By Order of the Board of Architects Malaysia,



(Ar. YONG RAZIDAH RASHID)
Registrar

31 January 2019

Distribution :
All registered members



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA
Tingkat 17, Blok F, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur
Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur
Tel : 03-26982878 / 03-26107087 Fax : 03-26936881
E-mail : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

PEKELILING AM BIL. 1/2019

PERAKUAN ARKITEK DAN CAJ-CAJ

Selaras dengan Peraturan 24 (2), Kaedah Arkitek (Skala Fi Minimum) 2010, Lembaga dengan ini menetapkan fi untuk memperakukan dan mengeluarkan sijil seperti yang tertera di dalam **Jadual 1**.

Pekeliling Am ini dikeluarkan untuk memberi panduan kepada semua Arkitek, di dalam melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai seorang Arkitek yang dilantik oleh pemaju bagi sebarang pembangunan yang memerlukan perakuan oleh Arkitek, mereka adalah berhak mendapat caj perakuan seperti dalam 'Jadual 1' Pekeliling ini.

JADUAL 1 : PERAKUAN ARKITEK DAN CAJ-CAJ

Pensijilan	Keterangan	Fi / Kadar Caj
Bahagian 1: Perjanjian yang Dikawalselia		
Perjanjian Jual Beli Standard – Perakuan Peringkat Pembinaan	Perakuan penyiapan peringkat pembinaan di bawah Perjanjian Jual Beli Standard yang dikawalselia di bawah undang-undang.	RM1500.00 setiap lawatan tapak RM 250.00 setiap sijil
Perjanjian Jual Beli Standard – Perakuan Peringkat Pasca Pembinaan	Perakuan peringkat Pasca Pembinaan (selepas pengeluaran CCC) di bawah Perjanjian Jual Beli standard yang dikawalselia di bawah undang-undang termasuk perakuan penyiapan memperbaiki kecacatan.	RM1000.00 setiap lawatan tapak RM 250.00 setiap sijil
Perakuan-perakuan lain di bawah Akta Pemajuan Perumahan 1966	Perakuan oleh arkitek di bawah Akta Pamajuan Perumahan 1966, termasuk perakua untuk pengeluaran wang daripada akaun pemajuan perumahan.	RM 500.00 setiap sijil
Bahagian 2 : Perjanjian yang Tidak Dikawalselia		
Semua perjanjian jual beli yang lain – Perakuan Peringkat Kerja-Kerja Fizikal	Apa-apa bentuk perakuan peringkat kerja fizikal bagi apa-apa bentuk Perjanjian Jual Beli yang tidak dikawal selia di bawah undang-undang.	RM1500.00 setiap lawatan tapak RM 300.00 setiap sijil
Perakuan Pasca- Pembinaan di bawah lain-lain bentuk Perjanjian Jual Beli	Perakuan Pasca – Pembinaan (selepas pengeluaran CCC) di bawah bentuk lain Perjanjian Jual Beli yang tidak dikawal oleh undang-undang.	RM1000.00 setiap lawatan tapak RM 300.00 setiap sijil

1. Keperluan pensijilan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) adalah kewajipan statutori tambahan yang wajib dipatuhi oleh Arkitek. Seorang arkitek yang dilantik sebagai Arkitek kepada Pemaju dikehendaki memperakunya di bawah Akta, dan tidak boleh menolak untuk mematuhi keperluan-keperluan tersebut.
2. Keperluan perakuan yang dilaksanakan melalui Akta ini mengenakan kerja tambahan kepada Arkitek, yang mana Arkitek berhak mengenakan bayaran tambahan baginya.
3. Arkitek akan mengenakan bayaran tambahan untuk perkhidmatan memperakui ini mengikut kadar yang ditetapkan dalam Jadual 1-Bahagian 1: Perjanjian yang Dikawalselia.
4. Perakuan yang dikehendaki di bawah mana-mana perjanjian atau keperluan kontrak yang bukan di dalam skop asal perkhidmatan arkitek adalah juga kerja tambahan kepada arkitek, dan arkitek juga berhak mengenakan bayaran tambahan seperti yang ditetapkan dalam Jadual 1-Bahagian 2: Perjanjian yang Tidak Dikawalselia.
5. Bayaran caj untuk perakuan hendaklah terpakai berdasarkan bilangan sijil dan bukan dengan bilangan lot /unit/petak.

Dengan Perintah Lembaga Arkitek Malaysia,



(Ar. YONG RAZIDAH RASHID)
Pendaftar

31 Januari 2019

Edaran :
Semua ahli berdaftar